KAJIAN MALAYSIA Vol. 44, No.2, 2026, 237–260

PENGLIBATAN SARAWAK BORDER SCOUTS DALAM MEMELIHARA KESELAMATAN DI SEPANJANG SEMPADAN SARAWAK

THE INVOLVEMENT OF THE SARAWAK BORDER SCOUTS IN SAFEGUARDING SECURITY ALONG THE SARAWAK BORDER

Ho Hui Ling

Department of History, Faculty of Arts and Social Sciences, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

Email: hohuiling@um.edu.my

Published online: 30 October 2026

To cite this article: Ho Hui Ling. 2026. Penglibatan Sarawak Border Scouts dalam memelihara keselamatan di sepanjang sempadan Sarawak. *Kajian Malaysia* 44(2): 237–260. https://doi.org/10.21315/km2026.44.2.11

To link to this article: https://doi.org/10.21315/km2026.44.2.11

ABSTRACT

The Sarawak Border Scouts, a special security force established along the Sarawak border in 1963, played a crucial role as the "eyes and ears" of the security force in countering Indonesian guerrillas infiltrating Sarawak from Kalimantan and communist terrorists in the border area. Comprising members from various indigenous groups, including the Iban, Bidayuh, Kayan, Kenyah, and Kelabit, who possessed extensive knowledge of the local forests, this paramilitary force assisted authorities in combating threats to national security. Despite their significant contributions to safeguarding Sarawak's security, the existence and importance of the Sarawak Border Scouts remain relatively unknown to the public. Therefore, this article aims to examine the history of the formation of the Sarawak Border Scouts and their involvement in the struggle against communist guerrillas along the border between Sarawak and Kalimantan, Indonesia. The study is based on library and archival research, utilising primary sources such as government documents and newspapers, as well as secondary sources including books and articles, to support the analysis. The findings indicate that the Sarawak Border Scouts were established as a special unit specifically tasked with maintaining peace and security along the Sarawak border. This force contributed its services fearlessly to opposing subversive elements that threaten the security of the state of Sarawak throughout its existence.

Keywords: Sarawak Border Scouts, Sarawak–Kalimantan border, confrontation, communist, indigenous population

© Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2026. This work is licensed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY) (http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/).

ABSTRAK

Sarawak Border Scouts merupakan satu pasukan keselamatan khas yang ditubuhkan di sempadan Sarawak pada tahun 1963 dan berkhidmat sebagai "mata dan telinga" kepada pasukan keselamatan dalam menentang gerila Indonesia yang menyusup masuk ke Sarawak dari Kalimantan dan juga pengganas komunis di kawasan sempadan. Angkatan separa tentera ini dianggotai oleh pelbagai kumpulan penduduk peribumi seperti Iban, Bidayuh, Kayan, Kenyah dan Kelabit yang mempunyai pengalaman yang banyak tentang kawasan hutan di sekitar mereka dalam membantu kerajaan memerangi ancaman keselamatan negara. Walaupun memberi sumbangan besar dalam menjaga keselamatan Sarawak, namun kewujudan dan kepentingan Sarawak Border Scouts masih tidak begitu diketahui umum. Justeru, penulisan artikel ini bertujuan mendedahkan sejarah pembentukan Sarawak Border Scouts dan penglibatan mereka dalam perjuangan menentang gerila komunis di sempadan antara Sarawak dan Kalimantan, Indonesia. Kajian ini telah disempurnakan berdasarkan kaedah kepustakaan dan arkib dengan menggunakan sumber primer seperti dokumen kerajaan dan akhbar serta sumber sekunder termasuk buku dan artikel untuk mengukuhkan analisis perbincangan. Dapatan kajian ini menunjukkan Sarawak Border Scouts ditubuhkan sebagai satu unit khas dengan tugas khusus untuk menjaga keamanan dan keselamatan di kawasan sempadan Sarawak. Pasukan ini telah menyumbangkan jasa mereka tanpa gentar untuk menentang anasir-anasir subversif yang mengancam keselamatan negeri Sarawak sepanjang kewujudannya.

Kata kunci: Sarawak Border Scouts, sempadan Sarawak-Kalimantan, konfrontasi, komunis, penduduk peribumi

PENGENALAN

Pengaruh komunis mula dikesan di Sarawak pada awal tahun 1920-an. Hal ini dapat dilihat melalui komen Raja Vyner Brooke dalam mesyuarat Majlis Negeri pada tahun 1924 bahawa elemen kiri sedang mencari jalan untuk masuk ke sekolah Cina di Kuching. Namun pada ketika itu belum ada organisasi komunis yang berjaya bertapak di Sarawak (Ritchie, Thoo dan Wan Junaidi 2011, 137). Gerakan berunsurkan komunis mula muncul dengan jelas di Sarawak pada zaman pendudukan Jepun, berikutan kebangkitan perasaan menentang Jepun secara ketenteraan. Seterusnya, gerakan komunis di Sarawak muncul dengan lebih giat berikutan kejayaan pembentukan Republik Rakyat China (RRC) pada 1 Oktober 1949. Setelah itu RRC menghantar wakil untuk menyeru orang Cina Seberang Laut supaya terus menyokong China komunis. Sejak itu, komunis terus bergerak ke arah memperkukuhkan barisan penyokongnya di Sarawak. Untuk itu, pertubuhan berunsurkan komunis mula muncul termasuk Sarawak Overseas Chinese Democratic Youth League (SOCDYL) pada tahun 1951, Sarawak Liberation League (SLL) pada tahun 1954, Sarawak Advanced Youth Association (SAYA) dan Clandestine Communist Organisation (CCO) pada tahun 1955 (Sarawak Information Service 1965, 3–4; *The Communist Threat to Sarawak*

1966, 1–2; *The Threat of Armed Communism in Sarawak* 1972, 12; Ho 1999, 185). Pertubuhan-pertubuhan ini digunakan oleh komunis untuk mempengaruhi penduduk daripada pelbagai golongan termasuk pelajar, belia, pekerja, petani dan peladang. Kewujudan kegiatan komunis mengancam kestabilan pentadbiran dan keamanan Sarawak. Malahan menjelang kemerdekaan, masalah komunis menjadi semakin rumit apabila terjalin hubungan antara gerila Indonesia dengan komunis di Sarawak. Pada ketika itu, Indonesia pula menentang pembentukan Malaysia dengan mengatakan bahawa gagasan Malaysia adalah suatu bentuk penjajahan baharu dan bukan pembebasan Sarawak daripada penjajahan. CCO memberi sokongan kepada gerila Indonesia dan konfrontasi terhadap Malaysia (*The Communist Threat to Sarawak* 1966, 4). Oleh itu, keadaan di kawasan sempadan Sarawak kurang tenteram akibat pencerobohan gerila dari Kalimantan, Indonesia, dan kegiatan komunis yang bergerak aktif. Berikutan keadaan tersebut, pihak kerajaan giat melaksanakan pelbagai usaha untuk mengawal kegiatan subversif di kawasan sempadan. Walau bagaimanapun, tekanan yang berterusan daripada kerajaan akhirnya menyebabkan pihak komunis bersetuju untuk berdamai dengan menandatangani satu Memorandum Persefahaman dengan kerajaan Sarawak pada 21 Oktober 1973.[1] Berikutnya pada 4 Mac 1974, kerajaan melancarkan Operasi Sri Aman untuk membolehkan gerila komunis keluar dari tempat persembunyian dan menyerah diri (*Sarawak 30 Years of Independence within Malaysia* 1993, 314; *Memoir Skuad 69 PDRM Edisi Sarawak* 2006, 100). Gerakan komunis di Sarawak berakhir apabila perjanjian damai dimeterai pada 17 Oktober 1990 di Wisma Bapa Sarawak, Kuching antara Parti Komunis Kalimantan Utara (PKKU)[2] yang diwakili oleh Pasukan Rakyat Kalimantan Utara (PARAKU) dengan kerajaan Sarawak.[3] Dalam memerangi ancaman komunis di negeri Sarawak, selain pasukan polis, tentera, Sarawak Rangers dan Iban Trackers, terdapat satu lagi pasukan keselamatan yang turut memberi banyak sumbangan terutamanya di kawasan sempadan Sarawak iaitu Sarawak Border Scouts. Namun begitu, kewujudan dan kepentingan pasukan ini dalam menjaga keamanan di kawasan sempadan Sarawak jarang diberi perhatian kerana mereka tidak begitu diketahui umum. Oleh yang demikian, artikel ini akan mendedahkan sejarah pembentukan Sarawak Border Scouts dan penglibatannya dalam mempertahankan keselamatan di kawasan sempadan Sarawak menjelang pembentukan Malaysia sehingga zaman kemuncak gerakan komunis pada tahun 1970-an.

Walaupun setakat ini sudah terdapat kajian yang membincangkan tentang gerakan komunis di Sarawak, namun tulisan ini tidak memberi perhatian kepada Sarawak Border Scouts. Dalam tulisan-tulisan yang sedia ada, Border Scouts hanya disebut sebagai sebuah pasukan pertahanan yang wujud untuk menjaga keselamatan di kawasan sempadan Sarawak dengan sejarah penubuhannya sepintas lalu. Antaranya, buku Vernon L. Porritt (2004), *The Rise and Fall of Communism in Sarawak 1940–1990*, sebuah buku yang penting tentang sejarah gerakan komunis di Sarawak dari tahun 1940-an hingga tahun 1990. Walau bagaimanapun buku ini hanya menyebut beberapa penglibatan Border Scouts

dalam gerakan menghapuskan gerila di kawasan sempadan secara sepintas lalu. Sebuah lagi buku Vernon L. Porritt (1997) yang bertajuk *British Colonial Rule in Sarawak, 1946–1963* memfokus perbincangan tentang campur tangan British dalam politik, ekonomi dan sosial di Sarawak dari tahun 1946 hingga tahun 1963. Buku ini turut memaparkan maklumat tentang sejarah gerakan komunis yang dilihat sebagai gangguan politik di Sarawak. Namun kewujudan Border Scouts hanya disebut sepintas lalu dalam buku ini. Buku Ho Hui Ling (2023) yang bertajuk *Ancaman Keselamatan di Sarawak 1920–1990: Komunis, Masyarakat dan Kerajaan* membincangkan sejarah gerakan komunis di Sarawak secara menyeluruh dari tahun 1920-an hingga tahun 1990 dengan memfokuskan perbincangan tentang strategi komunis Sarawak dalam mempengaruhi penduduk sehingga pelbagai langkah dijalankan oleh pihak kerajaan bagi membanteras kegiatan komunis. Dalam buku ini, pasukan Border Scouts dibincangkan dalam konteks pelaksanaan langkah ketenteraan oleh kerajaan dan turut dinyatakan pasukan ini telah memberi sumbangan besar dalam usaha memulihkan keamanan di Sarawak.

Sejarah pembentukan Sarawak Border Scouts juga dibincang secara ringkas dalam tiga buku berikut. Harold James dan Denis Sheil-Small (1971) dalam buku berjudul *The Undeclare War: The Undeclared War: The History of the Indonesia Confrantation 1962–1966*, menyebut tentang CCO dan gerakannya seperti pembinaan tempat latihan sulit di Sarawak dan latihan yang diperoleh di Kalimantan. Skop perbincangan dalam buku ini meliputi sehingga tamatnya konfrontasi. Bagaimanapun, dalam buku ini ada dinyatakan keperluan sumber perisikan terhadap aktiviti pencerobohan di kawasan sempadan Sarawak yang telah membawa kepada penubuhan Border Scouts selain penglibatan pasukan ini dalam menangani pencerobohan dari Indonesia secara sepintas lalu. Buku yang dihasilkan oleh Peter Dickens (2003) bertajuk *SAS: Secret War in South-East Asia, 22 Special Air Service Regiment in the Borneo Campaign, 1963–1966* memfokus perbincangan kepada penglibatan Special Air Service (SAS) sebagai cawangan elit tentera British dalam menghadapi penguasaan Indonesia melalui konfrontasi dan ancaman komunis China. Dalam buku ini, ada disebut sedikit tentang penglibatan SAS dalam membantu mewujudkan pasukan Border Scouts di Borneo ketika konfrontasi Malaysia-Indonesia tetapi maklumat berkaitan adalah sangat ringkas. Sementara itu, Mohd Reduan Hj Aslie dan Mohd Radzuan Hj. Ibrahim (1984) dalam buku bertajuk *Polis Diraja Malaysia: Sejarah, Peranan dan Cabaran* pula mengetengahkan sejarah, peranan dan cabaran Polis Diraja Malaysia. Dalam buku ini hanya menyebut penubuhan Border Scouts ketika Konfrontasi Malaysia-Indonesia dan tugas Border Scouts secara ringkas.

Seterusnya Gabriel Tan (2008) dalam buku bertajuk *Indonesian Confrontation and Sarawak Communist Insurgency 1963–1966: Experience of a Local Reporter* mencatatkan penglibatan penulis bersama dengan pasukan keselamatan dalam operasi yang dilancarkan pada era konfrontasi dan pemberontakan komunis

di Sarawak 1963–1966. Dalam buku ini, Border Scouts dapat dilihat sebagai pasukan pertahanan yang ditugaskan bagi menentang pencerobohan Indonesia ketika era Konfrontasi. Oleh kerana penulis buku ini seorang wartawan, buku ini ditulis berdasarkan catatan pengalaman penulis semasa bertugas sebagai wartawan dalam melaporkan berita dan maklumat tentang keadaan semasa di Sarawak. Buku *Crimson Tide Over Borneo* oleh James Ritchie, Thoo Kim Nyian dan Wan Junaidi (2011) pula merupakan sebuah buku tentang pengasasan dan perkembangan pasukan polis di Sarawak sejak zaman pentadbiran Raja Brooke sehingga tahun 1990. Buku ini menceritakan penglibatan pasukan polis Sarawak dalam menentang pencerobohan Indonesia dan pemberontakan komunis sehingga pihak komunis menghentikan gerakan pada tahun 1990. Bagaimanapun, penceritaan tentang Sarawak Border Scouts hanya difokuskan pada penglibatan dalam beberapa gerakan menentang penceroboh Indonesia ketika era konfrontasi serta melawan gerila komunis di Sarawak. Dalam buku ini, penulis turut menyenaraikan nama-nama Border Scouts yang terkorban dan yang menerima anugerah atau pingat penghargaan daripada kerajaan kerana jasa khidmat mereka dalam mempertahankan keselamatan Sarawak. Bagaimanapun, perbincangan dalam buku ini adalah berdasarkan gabungan pengalaman dan maklumat daripada penulis sebagai wartawan serta pegawai polis Sarawak tanpa merujuk kepada dokumen primer serta sekunder.

Selain itu, terdapat kajian mengenai sempadan Sarawak-Kalimantan, Indonesia yang turut membincangkan sedikit tentang Sarawak Border Scouts. M. Eilenberg (2011) dalam artikel bertajuk "*Straddling the border: A marginal hisory of guerrilla warfare and 'counter-insurgency' in the Indonesian borderlands, 1960s–1970s*" memfokuskan perbincangan tentang orang Iban di Kalimantan Barat ketika konfrontasi sehingga tamat insurgensi di Borneo pada tahun 1990. Penulis menyatakan Border Scouts sebagai unit separa tentera yang diwujudkan oleh tentera Komanwel dengan disertai oleh orang Iban secara sukarela bagi melindungi keselamatan penduduk tempatan dan memberikan maklumat risikan kepada tentera. Bagaimanapun, maklumat lain berkaitan dengan unit ini seperti penubuhan, sumbangan serta kepentingannya tidak dibincangkan. Pada tahun 2012, Eilenberg menghasilkan buku bertajuk *At the Edges of States: Dynamics of State Formation in the Indonesian Borderlands* yang memuatkan artikel dan bab dalam buku yang ditulisnya serta diterbitkan sebelumnya. Buku ini menumpukan perbincangan tentang sejarah perkembangan kawasan dan etnik Iban di sempadan Kalimantan serta hubung kait dengan etnik Iban di Sarawak dan masalah sosiopolitik di sempadan Kalimantan, Indonesia. Bab 4 dalam buku ini menyatakan bahawa etnik Iban menghadapi konflik di sempadan ketika konfrontasi dan ancaman gerakan komunis selepas itu. Turut disebut sepintas lalu etnik Iban direkrut menjadi Border Scouts ketika menentang tentera Indonesia di sempadan. Sementara itu, Poline Bala (2002) dalam buku *Changing Borders and Identities in the Kelabit Highlands: Anthropological Reflections on Growing Up in a Kelabit Village Near the International Border* membincangkan tentang keadaan di sempadan antarabangsa antara Indonesia

dengan Malaysia (Sarawak-Kalimantan) dan kepentingannya dalam perubahan serta perkembangan penduduk Tanah Tinggi Kelabit. Buku ini menceritakan sepintas lalu tentang penglibatan penduduk Kelabit sebagai anggota Border Scouts bagi menentang gerila Indonesia di sempadan berdekatan dengan kawasan penempatan mereka, namun buku ini dihasilkan menggunakan pendekatan antropologi melalui pengalaman dan pemerhatian penulis yang berasal dari komuniti Kelabit di kawasan kajian.

Walaupun kajian-kajian tersebut tidak dapat memberi maklumat yang jelas tentang Sarawak Border Scouts, namun tulisan itu dapat membuktikan kewujudannya sebagai sebuah pasukan pertahanan di kawasan sempadan Sarawak khasnya dan negeri Sarawak umumnya. Justeru, artikel ini akan mengetengahkan sejarah penubuhan Sarawak Border Scouts secara terperinci dan penglibatan dalam memelihara keselamatan di sepanjang sempadan Sarawak pada tahun 1960-an hingga 1970-an.

KEADAAN KESELAMATAN DI KAWASAN SEMPADAN SARAWAK TAHUN 1960-AN

Sejak rancangan Malaysia diumumkan oleh Tunku Abdul Rahman, pihak komunis menunjukkan tentangan terhadap rancangan Malaysia. Bagi komunis, penubuhan Malaysia adalah suatu ancaman dan halangan untuk mereka menubuhkan sebuah republik komunis di Sarawak. Berikutan itu, komunis memulakan penentangan dalam usaha untuk menggagalkan Persekutuan Malaysia dengan menyokong Parti Rakyat Brunei dan bekerjasama dengan komunis Indonesia. Ketika Konfrontasi Indonesia, komunis Indonesia mendapat sokongan daripada CCO dan aktiviti mereka tertumpu di kawasan sempadan Kalimantan-Sarawak. CCO menghantar anggotanya ke Indonesia untuk mendapatkan latihan ketenteraan dan kemudian menyusup masuk ke kawasan Sarawak sebagai persediaan untuk melancarkan pemberontakan bersenjata. Kumpulan militan yang kembali ke Sarawak ini dipertanggungjawabkan untuk menubuhkan pangkalan gerila hutan di kawasan yang sukar dikesan oleh pasukan keselamatan. Pada Julai 1963, dilaporkan lebih 750 orang anggota komunis dari Sarawak telah melintas sempadan ke Indonesia untuk mendapat latihan di pusat latihan Tentera Nasional Kalimantan Utara di Kalimantan Utara (*Indonesian Intentions Towards Malaysia* 1964, 49). Di kawasan sempadan, mereka kemudian melakukan serangan dan bertempur dengan pihak keselamatan sehingga menyebabkan kematian serta kecederaan. Dalam kejadian yang berlaku itu, turut terdapat penglibatan bersama komunis Sarawak dengan komunis Indonesia. Antaranya kerajaan mendapati dalam kumpulan komunis yang menyusup masuk dari Indonesia ke daerah Lundu, sekurang-kurangnya 19 orang daripadanya merupakan orang Cina Sarawak yang mendapat latihan ketenteraan di Kalimantan Barat. Mereka diberi bantuan makanan oleh orang Cina tempatan yang tinggal di kawasan

sempadan (DO 169/486 1965c). Partai Komunis Indonesia yang menentang penubuhan Malaysia mengambil kesempatan berhubung dengan CCO dan bermulanya aktiviti subversif Indonesia di Sarawak pada April 1963. Dalam hal ini Kerajaan Sarawak juga mengumumkan terdapat sebilangan ahli CCO berbangsa Cina yang telah menyertai gerila Indonesia di kawasan sempadan (Kroef 1964, 57).

Kekacauan banyak berlaku di kawasan sempadan, antaranya di kawasan Jambu dan Lubok Antu di Bahagian Kedua serta daerah Serian, Lundu, Serikin, Tebedu, Kandai, Tepoi dan Plaman Mapu di Bahagian Pertama Sarawak (DO 169/486 1965a; DO 169/486 1965b; DO 169/486 1965d; DO 169/486 1965e). Pada 12 April 1963, serangan daripada gerila Indonesia berlaku di sempadan Sarawak-Kalimantan di pos polis di Tebedu yang terletak kira-kira 40 kilometer dari Kuching dan tiga batu dari kawasan sempadan di daerah Serian. Serangan itu menyebabkan seorang anggota polis etnik Bidayuh, Koperal John Remek anak Nongian terkorban dan seorang polis etnik Kelabit tercedera. Manakala Inspektor Reginald Chimbul terselamat daripada serangan kerana dia bersembunyi di dalam sebuah tangki air di berek polis. Selepas itu, gerila berkenaan juga melepaskan tembakan ke atas berek polis di Tebedu dan 16 buah rumah kedai di pasar Tebedu (Ritchie, Thoo dan Wan Junaidi 2011, 90–91; Tan 2008, 2; James dan Sheil-Small 1971, 56–57). Pada masa yang sama, Cawangan Khas turut mendedahkan kegiatan CCO apabila sejumlah besar risalah komunis telah ditemui. Risalah itu mengandungi maklumat tentang persediaan CCO dalam melancarkan serangan ke atas balai polis, serang hendap dan lain-lain bentuk tindakan militan (James dan Sheil-Small 1971, 59). Seterusnya dilaporkan Kampung Gumbang yang terletak hanya lebih kurang 200 ela dari sempadan telah diserang beberapa kali oleh gerila dari Indonesia. Pada 23 April 1963, sekumpulan anggota komunis menyerang Kampung Gumbang di kawasan Bau, Kuching tetapi dapat diundurkan oleh pasukan keselamatan. Komunis sekali lagi menyerang Kampung Gumbang pada 13 Ogos 1963 dan melontarkan bom tangan tetapi tidak meletup. Kampung Gumbang diserang lagi pada 21 dan 22 Ogos dan berlaku pertempuran antara komunis dengan tentera. Bagaimanapun, kumpulan komunis itu akhirnya dapat diundurkan oleh pasukan tentera bersama dengan Border Scouts (James dan Sheil-Small 1971, 78; Tan 2008, 4–5). Pernyataan daripada Pegawai Penerangan Kerajaan Sarawak pada 28 November 1963 bahawa pada awal November 1963, sekumpulan pengganas Indonesia bersenjata mendarat dan membuat hubungan dengan komunis Sarawak di kawasan Binatang (Bintangor hari ini), Bahagian Ketiga Sarawak (Kroef 1964, 59). Beberapa peristiwa tersebut menunjukkan kawasan sempadan Sarawak terdedah kepada bahaya gerila Indonesia dan aktiviti subversif. Justeru, keselamatan di kawasan sempadan wajar diberi penekanan oleh kerajaan Sarawak pada ketika itu dan kerajaan telah meningkatkan kekuatan pertahanan untuk menjaga keamanan di kawasan sempadan sambil melindungi keselamatan penduduk yang tinggal di kawasan sekitar sempadan Sarawak-Kalimantan. Dalam hal ini, Sarawak Border Scouts memainkan peranan yang penting.

SEJARAH PEMBENTUKAN SARAWAK BORDER SCOUTS

Dalam usaha mengawal kegiatan komunis dan gerila Indonesia di kawasan daerah pedalaman serta sempadan di Sarawak-Kalimantan menjelang pembentukan Malaysia, satu pasukan yang dikenali sebagai Border Scouts (Sarawak Border Scouts) telah dibentuk. Ia juga digelar sebagai Pengakap Sempadan. Pembentukan pasukan ini dapat membantu kerajaan dan pasukan keselamatan dalam menghadapi bahaya ancaman komunis serta anasir-anasir subversif yang membahayakan keselamatan negeri Sarawak. Vernon L. Porritt telah menyebut "*the Border Scouts had been established to warn security forces of any aliens entering Sarawak*" (1997, 80). Sarawak Border Scouts dibentuk pada tahun 1963 sebagai cawangan kepada Pasukan Polis Bantuan Sarawak (Sarawak Auxiliary Constabulary). Unit baharu ini ditubuhkan melalui persefahaman antara kerajaan Komanwel yang didukung oleh British dan kerajaan Malaysia yang baharu sahaja ditubuhkan pada ketika itu. Pasukan ini banyak dianggotai oleh anak tempatan yang bertindak untuk menjaga keamanan di kawasan sempadan Sarawak yang mudah dicerobohi oleh gerila dari Kalimantan. Ia ditubuhkan sebagai satu unit sementara dan akan dibubarkan apabila keadaan di Sarawak telah semakin aman sebagaimana yang dinyatakan dalam surat H.R. Harlow, Setiausaha Persekutuan kepada Pesuruhjaya Polis Sarawak bertarikh 17 Jun 1965, "*I should have thought that though Border Scouts are to be regarded as part of the Sarawak Constabulary, they are only a temporaray body and will disappear when the emergency ends*" (SUPS/1430 1965).

Menjelang penubuhan Malaysia, Indonesia menunjukkan tentangan terhadap usaha Tunku Abdul Rahman untuk menggabungkan Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak, Sabah dan Brunei. Hal ini membawa kepada Konfrontasi Malaysia-Indonesia dan Indonesia melancarkan serangan gerila terhadap Sarawak dalam menentang penubuhan Malaysia. Kawasan sempadan daratan antara Sarawak dengan Kalimantan Indonesia yang merangkumi sepanjang kira-kira 1,000 batu dan dilitupi oleh hutan telah memberi keupayaan kepada penceroboh Indonesia untuk masuk ke Sarawak. Terdapat tiga pusat pemeriksaan di sempadan iaitu di Tebedu di Bahagian Pertama Sarawak, Lubok Antu di Bahagian Kedua dan Ba Kelalan di Bahagian Kelima (Ritchie, Thoo dan Wan Junaidi 2011, 85). Selain itu, pembinaan banyak kawasan melintas yang dipanggil tempat melintas atau "*gate*" telah memberikan kesenangan kepada penceroboh Indonesia untuk masuk dan berlepas ke Sarawak (James dan Sheil-Small 1971, 56–61). Situasi ini secara jelas telah menunjukkan bahawa pasukan keselamatan perlu memberikan tumpuan terhadap kawalan di sempadan Sarawak-Kalimantan. Berikutan peningkatan pencerobohan dan serangan yang dilakukan oleh penceroboh Indonesia, pasukan keselamatan perlu mengambil beberapa langkah bagi mengawalnya. Pada awalnya, pasukan keselamatan menggunakan taktik menangkap musuh di lokasi pencerobohan. Namun

kemudian dengan meningkatnya serangan tersebut, pasukan keselamatan perlu menukar taktik mereka dan bergerak dengan lebih jauh lagi ke kawasan sempadan bagi menghapuskan penceroboh (James dan Sheil-Small 1971, 64).

Mejar Jeneral Walter Walker yang merupakan Komander Pasukan Keselamatan British di Borneo dan juga selaku Pengarah Operasi semasa Konfrontasi telah memberikan tindak balas terhadap perkara ini. Beliau menyedari bahawa ketepatan masa dan ketepatan maklumat merupakan perkara utama dalam "perang" menentang gerila. Pada masa yang sama juga, beliau turut berazam untuk membangunkan First Class Special Branch dan Military Intelligence (James dan Sheil-Small 1971, 66). Walau bagaimanapun, pada ketika itu, sumber perisikan utama tentera yang sangat dipercayai hanyalah 22nd SAS Regiment yang diketuai oleh Lt. Col. John Woodhouse dan kemudiannya oleh Lt. Col. Wingate Gray. Dalam hal ini, sebagai sumber perisikan utama, tugas utama SAS adalah menyediakan sebarang amaran awal tentang musuh. Keadaan ini perlu berikutan pencerobohan yang telah dilakukan oleh penceroboh Indonesia terhadap Sarawak. Pencerobohan ini senang dilakukan akibat ketiadaan pengawasan yang lengkap di kawasan sempadan. Memandangkan kawasan sempadan antara Sarawak dengan Kalimantan Indonesia yang terlibat adalah luas, maka pemerhatian bergerak perlu dilakukan. Dengan itu, sekumpulan kecil SAS yang biasanya terdiri daripada enam orang diambil dengan menggunakan helikopter dan digugurkan di kawasan hutan tempat mereka beroperasi. Keadaan ini sememangnya memerlukan anggota SAS yang tahan lasak dan ekstrem. Sebagai peraturannya, anggota SAS yang bertugas tadi tidak dibenarkan menyerang musuh kerana tugas utama mereka hanya untuk mendapatkan maklumat dan menghantarkan semula maklumat, seterusnya membiarkan pasukan infantri untuk menghapuskan penceroboh dan anggota komunis yang semakin giat di sempadan Sarawak-Kalimantan menjelang pembentukan Malaysia (James dan Sheil-Small 1971, 67).

Untuk itu, jelas bahawa pasukan keselamatan mengalami sedikit kekangan bagi menghadapi pencerobohan gerila Indonesia dan komunis. Sehubungan dengan itu, pasukan keselamatan telah bertindak mengambil beberapa langkah drastik. Antara langkah tersebut termasuklah memberikan 10 butir peluru percuma kepada anggota masyarakat yang mempunyai senapang patah di kawasan yang terancam seperti kawasan yang dikuatkuasakan perintah berkurung. Langkah yang seterusnya adalah untuk membentuk satu pasukan yang dikenali sebagai Border Scouts bagi mengawasi keselamatan penduduk dan kawasan sempadan. Pada 10 Mei 1963, Mejar Jeneral Walter Walker, Komander Pasukan Keselamatan British di Borneo mencadangkan pembentukan sepasukan polis bantuan yang melibatkan penduduk peribumi. Tujuannya adalah untuk membantu kerajaan mengawal keselamatan di sempadan negeri Sarawak. Cadangan beliau membawa kepada penubuhan pasukan pertahanan sempadan yang dikenali sebagai Border Scouts. Mejar Jeneral Walter Walker yakin bahawa pasukan Border Scouts

bukan hanya dapat menjadi "mata dan telinga" kerajaan, malah kewujudannya dengan mudah mampu menjadi "*one thousand pairs of Eyes and Ears*" (Ritchie, Thoo dan Wan Junaidi 2011, 85–86). Dalam keadaan itu, kerajaan berhubung dengan penduduk setempat dan membentuk pasukan pertahanan yang disertai penduduk peribumi bagi mengawasi keselamatan di kawasan mereka sambil memberi perlindungan kepada penduduk setempat.

Kemudian Pasukan Polis Sarawak (*The Sarawak Constabulary*) yang dibantu oleh Mejar Tom Leask daripada unit 22nd SAS dan Tom Harrison selaku wakil Komando serta Archdeacon dari Kuching telah bekerjasama untuk melancarkan pasukan pertahanan asli yang penting ini (James dan Sheil-Small 1971, 67). Mereka mula mencari pemuda setempat di Bahagian Pertama dan Bahagian Kedua Sarawak untuk memberi mereka peluang untuk terlibat dalam mempertahankan keselamatan negeri. Pasukan ini memerlukan seorang komander dengan kebolehan luar biasa dan berpengalaman berurusan dengan kaum peribumi. Untuk itu, Mejar Jeneral Walter Walker telah memutuskan Mejar John Cross untuk mengambil alih tugas tersebut (James dan Sheil-Small 1971, 68) kerana beliau telah membuktikan kebolehannya dalam menentang gerakan komunis di Tanah Melayu pada zaman darurat, 1948–1960.[4]

Akhirnya Border Scouts dibentuk secara rasminya pada hari Ahad 19 Mei 1963 bagi menguatkan langkah keselamatan di sepanjang sempadan Sarawak (*Sarawak Gazette* 1963, 333). Seterusnya pada 20 Mei 1963, penubuhan pasukan Border Scouts diumumkan oleh Tom Harrison di Radio Sarawak pada jam 7:00 malam. Menurut laporan *Joint Intelligence Committee*, memandangkan gerakan komunis yang semakin aktif di Sarawak, Border Scouts dibentuk sebagai salah satu langkah pihak keselamatan dalam menguatkan kawalan keselamatan di sepanjang sempadan (CAB 158/149, J.I.C. 1963). Dengan itu, nyatalah laporan ini menunjukkan keperluan dan kepentingan pembentukan pasukan Border Scouts dalam keadaan semasa di Sarawak. Pasukan ini dipertanggungjawab untuk membantu kerajaan menentang pencerobohan, gerakan komunis, menjaga keselamatan dan memulihkan keamanan di sempadan Sarawak. Pasukan Border Scouts dibentuk di bawah Seksyen 62 Ordinan Konstabulari. P. E. Turnbull selaku Pesuruhjaya Polis Sarawak mengumumkan Border Scouts di Bahagian Pertama dan Kedua Sarawak memulakan tugas mereka pada 1 Jun 1963. Manakala Border Scouts di Bahagian Ketiga dipanggil untuk memulakan tugas pada 19 Ogos 1963. Bagi Bahagian Keempat dan Bahagian Kelima pula, mereka dipanggil berkhidmat mulai 20 Ogos 1963 (SUPS/235. 1963–1966).

Border Scouts diletakkan di bawah arahan Mejar John Cross, seorang pegawai Gurkha yang pernah mendapat latihan dari SAS dan mempunyai banyak pengalaman menentang gerila komunis dalam hutan di Tanah Melayu pada zaman darurat (1948–1960) kerana antara tugas utama Border Scouts adalah untuk mengawas kegiatan subversif dan komunis di kawasan sempadan

Sarawak-Kalimantan. Sehubungan dengan itu, pusat latihan ditubuhkan di Ba Kelalan di kawasan kaki Gunung Murud, Limbang, Bahagian Kelima Sarawak dengan kebanyakan kakitangannya datang dari SAS (Ritchie, Thoo dan Wan Junaidi 2011, 86). Pasukan yang disertai oleh penduduk peribumi ini dapat membantu pihak berkuasa mengesan kegiatan komunis dan penyusupan gerakan subversif di kawasan sempadan. Dengan pengetahuan mereka tentang keadaan tempatan di Sarawak dan perhubungan mereka dengan komuniti di rumah panjang serta kampung, Border Scouts menjadi satu pasukan pertahanan yang berkesan dalam membantu kerajaan mengawal keselamatan di sempadan Sarawak-Kalimantan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB SARAWAK BORDER SCOUTS

Anggota Border Scouts direkrut dalam kalangan pemuda tempatan yang tahu selok-belok perkampungan dan hutan-hutan di sekitar sempadan. Mereka ini mahir dalam kawasan masing-masing dan menjadi jurupandu dan jurubahasa kepada pasukan keselamatan. Hal ini memudahkan pasukan keselamatan mengatur strategi dan gerakan untuk memerangkap musuh. Kebanyakan anggota Border Scouts tinggal di sekitar sempadan Sarawak-Kalimantan dan pesisiran pantai. Dengan itu mereka memainkan peranan bagi mengesan dan memerhatikan sebarang percubaan gerila dari Indonesia untuk menyusup masuk ke negeri ini menerusi sempadan hutan atau pantai (Mohd Reduan dan Mohd Radzuan 1984, 306). Tambahan pula, apabila pasukan Border Scouts ditubuhkan, ramai bekas Sarawak Rangers dan Iban Trackers yang telah bersara turut menyertai pasukan ini. Mereka mempunyai banyak pengalaman dan kemahiran dalam mengesan musuh di dalam hutan ketika menentang komunis di Tanah Melayu. Justeru, maklumat risikan yang dikumpulkan oleh mereka dapat membantu pasukan keselamatan untuk menawan dan menghapuskan gerila serta musuh. Pada masa yang sama, anggota Border Scouts juga dapat mengawasi perasaan dan reaksi penduduk tempatan di kawasan mereka bertugas serta mengenal pasti penduduk yang menjadi ejen musuh atau pembelot. Dalam perbincangan berikut akan diketengahkan beberapa peranan penting yang dimainkan oleh Border Scouts dalam mengawasi keselamatan di kawasan sempadan Sarawak.

Sarawak Border Scouts terlibat mengawasi kawasan melintas di sempadan Sarawak. Dalam hal ini, mereka bekerja di sempadan dengan pakaian biasa seperti penduduk tempatan dan akan membawa balik maklumat yang tidak dapat diperoleh oleh pasukan keselamatan (James dan Sheil-Small 1971, 68). Mereka membuat rondaan di sempadan dan sentiasa berhati-hati dalam usaha mengawasi segala aktiviti pencerobohan serta gerakan subversif (Dickens 2003, 59). Mereka juga dipertanggungjawabkan untuk memeriksa dan melaporkan sebarang jejak atau kesan penceroboh atau gerila. Dalam

menjalankan tanggungjawab mencari dan menyiasat sesuatu jejak, anggota Border Scouts masuk ke dalam hutan dengan berpakaian biasa seperti penduduk tempatan. Dalam hal ini, kebiasaannya mereka membawa raga dan senapang patah serta berjalan di kawasan hutan yang telah ditetapkan, lalu menyamar sebagai penduduk tempatan yang sedang mencari hasil hutan seperti rotan serta memburu babi hutan. Bagi mengelakkan mereka daripada dikenal oleh musuh, rambut mereka tidak dibenarkan digunting dan keadaan ini seolah-olah menggambarkan bahawa mereka penduduk dari rumah panjang. Biasanya mereka dibahagikan kepada kumpulan yang kecil iaitu lima orang dalam satu kumpulan. Penduduk tempatan yang keluar memburu dan mencari hasil hutan biasanya berjumlah seperti ini. Ketika di dalam hutan, mereka akan memerhatikan semua kesan yang terdapat di dalam hutan seperti kesan pokok atau dahan yang dipatahkan dan kesan kawasan perkhemahan. Mereka juga perlu memastikan secara teliti sama ada kesan yang ditemukan itu ialah kesan yang ditinggalkan oleh musuh atau kesan yang ditinggalkan oleh penduduk tempatan. Seandainya terserempak dengan musuh, mereka diminta untuk mengenal pasti jenis pakaian musuh, bilangan musuh, serta jenis senjata yang dibawa. Semua maklumat yang diperoleh akan dihantar balik kepada Komander Kompeni Tempatan untuk mengatur tindakan operasi memerangkap musuh yang selanjutnya (James dan Sheil-Small 1971, 69–70).

Border Scouts juga menjadi jurupandu kepada operasi tentera yang dilancarkan. Bagi menjalankan tugas ini, pasukan ini dibahagikan kepada beberapa kumpulan dengan disertai bersama oleh pasukan keselamatan lain semasa operasi ketenteraan dijalankan. Dalam hal ini, Border Scouts berperanan penting sebagai penunjuk arah kepada pasukan keselamatan berkenaan. Mereka akan memberitahu pasukan keselamatan tentang keadaan kawasan operasi seperti kawasan hulu sungai dan nama bagi kawasan tersebut. Selain itu, mereka juga mengetahui kawasan-kawasan yang strategik untuk berkhemah. Keadaan inilah yang menjelaskan mengapa pasukan keselamatan turut memilih golongan yang berumur untuk menyertai pasukan Border Scouts kerana mereka lebih pakar dan berpengalaman berkenaan dengan kawasan hutan. Selain itu, anggota Border Scouts turut menjadi jurubahasa kepada pasukan keselamatan dalam operasi ketenteraan (Mohd Reduan dan Mohd Radzuan 1984, 306). Peranan ini dapat membantu pasukan keselamatan berkomunikasi dengan penduduk peribumi yang tinggal di kawasan sempadan.

Selain itu, Border Scouts turut menjadi pengawal kampung atau kawasan yang tiada bantuan ketenteraan. Bagi menjalankan tugas ini, mereka akan mengembara dari satu rumah panjang ke rumah panjang di kawasan tertentu bagi mendapatkan maklumat. Pada kebiasaannya mereka tidak akan menggunakan pakaian seragam bagi mengelak daripada dikenal oleh musuh. Dalam hal ini, segala keperluan seperti bekalan makanan ditanggung sendiri oleh Border Scouts. Untuk itu, terdapat anggota Border Scouts yang membantu

masyarakat rumah panjang membersihkan tanah dan bercucuk tanam. Bantuan ini adalah untuk membalas jasa baik mereka yang telah memberi makanan. Sambil bekerja bersama-sama dengan masyarakat rumah panjang, mereka turut memerhatikan keadaan sekitar dan merisik berkenaan maklumat pencerobohan serta gerila komunis daripada masyarakat setempat. Mereka kemudiannya akan pergi pula ke kawasan rumah panjang lain dengan tujuan yang sama. Dalam hal ini seseorang anggota Border Scouts tidak dibenarkan untuk berada atau pergi ke kampung yang sama untuk kali yang kedua (Dickens 2003, 59). Dengan itu, Border Scouts secara tidak langsung turut berperanan dalam mengawasi perasaan dan hati penduduk serta mengenal pasti sama ada terdapat penduduk yang menjadi ejen musuh. Pada Ogos 1963, terdapat seramai 52 orang anggota Border Scouts yang digerakkan untuk menjadi pengawal kampung (*home guard*) di kawaaan Long Semado di Lawas, Limbang, Bahagian Kelima Sarawak seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Senarai nama anggota Border Scouts yang ditugaskan sebagai *home guard*

No.	Nama	No.	Nama	No.	Nama
1.	Balang Bangau	19.	Ating Labo	37.	Maripa Tagal
2.	Sia Por	20.	Samuel Kapong	38.	Pengiran Kapong
3.	Pengiran Batun	21.	Pengiran Ukab	39.	Puru Sigar
4.	Agong Ngilo	22.	Layu Balang	40.	Paran Palong
5.	Abai Padan	23.	Kapong Balang	41.	Daud Braok
6.	Pengiran Kapong	24.	Sultan Liling	42.	Seliman Brauk
7.	Besar Paru	25.	Langub Pengiran	43.	Sakai Lasong
8.	Labang Achang	26.	Palong Palong	44.	Kading Sinau
9.	Baru Sigar	27.	Salih Akat	45.	Tadam Matang
10.	Pelipan Gerawat	28.	Riong Sakai	46.	Baru Mutang
11.	Genang Ukab	29.	Labo Tui	47.	Danil Labo
12.	Padan Balang	30.	Abai Kamed	48.	Baru Palong
13.	Pengiran Balang	31.	Rugu Raut	49.	Balang Dewit
14.	Benaong Dawat	32.	Raut Ukab	50.	Ating Balang
15.	Darang Udan	33.	Ayup Merang	51.	Tagal Labo
16.	Dawat Balang	34.	Ganui Balang	52.	Pengiran Lakai
17.	Dawat Labo	35.	Tagal Labo		
18.	Ngilo Panie	36.	Singa Agong		

Sumber: SUPS/72 1963–1973

Jelasnya, tugas Border Scouts ini melibatkan kerja fizikal dan mental. Mereka melakukan rondaan siang dan malam di kawasan petempatan di sempadan. Mereka menyalurkan maklumat tentang gerakan musuh, berkhidmat sebagai jurupandu kepada pasukan keselamatan, sebagai pengakap hadapan kepada gerakan ketenteraan, mengawal tempat melintas di sempadan, memeriksa mana-mana kesan laluan yang ditemui, mempertahankan kampung dan melaporkan apa-apa kejadian yang tidak diingini kepada Komander mereka (Porritt 2004, 93; James dan Sheil-Small 1971, 70–71). Selain itu, lawatan ke kampung di sempadan oleh anggota Border Scouts adalah sangat penting bagi memenangi hati dan pemikiran dengan memberi bantuan perubatan kepada masyarakat setempat. Seterusnya, mereka juga dapat mengumpul maklumat daripada penduduk. Mereka juga ditugaskan untuk membersihkan kawasan pendaratan, memberi bantuan kepada orang awam, pentadbiran dan polis khasnya Cawangan Khas serta mengatur perkhidmatan penyelamat nahas pesawat (Porritt 2004, 93). Pasukan Border Scouts juga ditugaskan untuk menghapuskan infrastruktur subversif bawah tanah dan memberi perlindungan keselamatan kepada penduduk tempatan terutamanya di kawasan sempadan serta pedalaman. Selain itu, pasukan ini juga dapat berdamping rapat dengan penduduk setempat dan lebih mudah mendapat kerjasama daripada mereka. Dengan itu, pasukan ini dapat memimpin penduduk untuk melancarkan gerakan penentangan terhadap pencerohoh dan gerila komunis dengan lebih berkesan.

Selepas tamatnya Konfrontasi Malaysia-Indonesia pada tahun 1966, pasukan Border Scouts memberi tumpuan untuk menentang komunis dan musuh negara lain. Pada ketika itu, peranan Border Scouts telah diubah suai dengan keadaan semasa dan keperluan pasukan keselamatan pada ketika itu (Mohd Reduan dan Mohd Radzuan 1984, 308). Border Scouts telah diserapkan sebagai salah satu cawangan dalam Pasukan Polis Hutan yang mempunyai peranan yang sama dengan Unit Kawalan Kawasan. Manakala anggotanya seperti juga anggota polis tambahan yang dibayar gaji bulanan. Mereka dibayar gaji sebanyak $130 sebulan dan elaun khas sebanyak $20 sebagai kos makanan. Bonus tahunan sebanyak $120 turut diberi kepada seseorang anggota yang telah menamatkan perkhidmatan selama 12 bulan dengan memuaskan sama ada mereka itu masih terus berkhidmat atau tidak. Mereka yang sedang berkhidmat juga dapat menikmati cuti, kemudahan pengangkutan dan bantuan perubatan yang setaraf dengan seorang anggota polis Sarawak (SUPS/235 1963–1966). Selain itu, anggota Border Scouts juga diajar berkawad dan disiplin pasukan, undang-undang dan peraturan kerja dalam pasukan polis (Mohd Reduan dan Mohd Radzuan 1984, 309). Dengan itu, mereka dapat membantu kerajaan mengesan penyusupan anasir subversif dan membantu pasukan keselamatan menjalankan operasi ketenteraan dengan lebih berkesan. Mereka juga membantu mengawal sempadan dan pantai negara dari pencerobohan luar yang boleh membahayakan keselamatan negara (Mohd Reduan dan Mohd Radzuan 1984, 308).

PENGAMBILAN ANGGOTA DAN LATIHAN SARAWAK BORDER SCOUTS

Pengambilan anggota Sarawak Border Scouts terbuka kepada golongan lelaki berumur 17 hingga 45 tahun (SUPS/235 1963–1966). Terdapat beberapa sebab pasukan keselamatan menetapkan syarat sedemikian untuk menyertai Border Scouts. Pasukan keselamatan tidak menafikan bahawa mereka memerlukan pemuda yang boleh menulis dan membaca untuk menjadi utusan khas dalam gerakan dan akan menyertai setiap rondaan keselamatan yang diatur. Pengambilan golongan muda yang berkebolehan membaca dan menulis di Bahagian Pertama dan Bahagian Kedua Sarawak tidak mengalami kesulitan berikutan terdapatnya sekolah kerajaan serta sekolah mubaligh di kedua-dua bahagian ini. Namun, bagi pengambilan golongan yang berumur 40-an pula, turut berperanan penting sebagaimana pernyataan Tom Harrison "…*some older heads and wider experience will come in useful to temper the perhaps hotter blood of 20's and 30's.*" Keadaan ini ditambah lagi dengan adanya ramai dalam lingkungan umur ini yang menetap di sepanjang sempadan. Malahan, pada masa yang sama juga terdapat antara golongan ini yang berpengalaman menentang Jepun ataupun berpengalaman sebagai anggota *trackers* di Tanah Melayu. Oleh itu, pengalaman dan kepakaran mereka merupakan aset yang sangat bernilai kepada pasukan keselamatan, khususnya sekiranya mereka masih sihat dan bersedia untuk kembali berkhidmat dalam mempertahankan negara (Walter 2008, 83–84).

Pada Jun 1963, latihan anggota Border Scouts di Bahagian Pertama (Kuching) dan Kedua Sarawak (Simanggang) mula dijalankan. Mereka yang terpilih mula menjalani latihan separa ketenteraan di bawah kawal selia SAS dan Gurkha Independent Parachute Company. Mejar John Cross dilantik sebagai Komander. Dalam hal ini, latihan diberikan oleh pengajar tentera darat, tentera British dan Gurkha. Anggota Border Scouts diberikan pendedahan tentang disiplin asas, tugas-tugas ketenteraan dan penggunaan senjata api yang betul, seperti mengacukan senjata api ke arah musuh. Selain dilatih tentang teknik khas dalam perang gerila, mereka turut diajar teknik dalam hutan seperti bagaimana cara untuk melepaskan diri ketika ditawan oleh musuh dan menggunakan isyarat tertentu dengan meniru bunyi burung Kenyalang untuk memanggil rakan sepasukan. Mereka juga diajar menggunakan senjata, iaitu cara membuka dan menembak (SUPS/235 1963–1966). Setelah tiga bulan menjalani latihan, mereka diserapkan ke dalam operasi di kawasan sempadan Sarawak-Kalimantan (Dickens 2003, 57; The Border Scouts in Borneo 1964). Pada awalnya kawasan latihan hanya terdapat di Bahagian Pertama dan Bahagian Kedua sahaja. Namun, selepas perluasan penggunaan khidmat Border Scouts, kawasan latihan dibina di banyak tempat yang baharu seperti di Song dan Long Gang di Bahagian Ketiga Sarawak (James dan Sheil-Small 1971, 68). Antaranya, sembilan orang etnik Kenyah dari Lio Mato, sebuah kawasan petempatan (rumah panjang) etnik

Kenyah di pedalaman daerah Baram telah menyertai Border Scouts. Mereka ialah Tingang Jok, Apui Arong, Serang Bilong, Kalup Balan, Elban Ngerong, Ngau Tugang, Kuling Bilon, Laing Tingang dan Usa Tugau (Ritchie, Thoo dan Wan Junaidi 2011, 86). Tentera British dari Unit SAS juga melatih kira-kira 150 orang lelaki etnik Kelabit di kem latihan di Long Arur, Bario. Mereka diajar menggunakan dinamit, senjata api dan senjata lain. Mereka kemudian dipecahkan kepada dua unit iaitu Border Scouts dan Jungle Squad. Antara etnik Kelabit yang pernah diambil sebagai anggota Border Scouts ialah Bala Palaba, Inan Ngadan, Tamah Lina, Nala Ayu, Tamah Melai, Tamah Raman dan Maren Linuh (Bala 2002, 72, 74). Pada September 1963 pula, P.E. Turnbull, Pesuruhjaya Polis Sarawak telah meluluskan pengambilan seramai 42 orang anggota Border Scouts yang terlibat secara aktif dalam gerakan menentang pengganas di kawasan Long Lopeng dan Long Semado di Lawas (SUPS/72. 1963–1973). Pasukan pertahanan dengan latihan ketenteraan ringkas yang disertai oleh anak-anak tempatan, bersandarkan pengetahuan mereka tentang selok-belok kawasan sekitar serta kefahaman berbahasa, dapat membantu mengawasi keselamatan di dalam hutan berhampiran sempadan.

Pakaian seragam anggota Border Scouts ialah *jungle green uniforms* dengan *shoulder flash* dan lencana (James dan Sheil-Small 1971, 68). Lencana mempunyai corak burung Kenyalang yang dipakai pada bahu kiri pakaian seragam (James dan Sheil-Small 1971, 70). Selain itu, setiap anggota Border Scouts membawa selaras senapang yang dibekalkan oleh pihak berkuasa untuk membantu mereka menjalankan tugas dengan lebih efektif. Bagaimanapun, terdapat juga antara anggota Border Scouts yang memilih menggunakan senapang patah mereka sendiri. Usaha kerajaan dalam merekrut anggota daripada penduduk peribumi secara sukarela telah mendapat sambutan yang baik dan lebih 1,000 orang penduduk menyertainya. Kekuatan pasukan ini terus meningkat kepada hampir 1,500 orang anggota pada Mac 1965 (Tan 2008, 160–161). Seterusnya dilaporkan keanggotaan Border Scouts berjumlah 1,276 orang pada tahun 1988 apabila keadaan keselamatan di Sarawak semakin terkawal. Mereka bertaburan di seluruh Sarawak di 53 pos dan kem yang dibina (*Sarawak 25 Tahun Merdeka*, 218).

CABARAN DAN SUMBANGAN SARAWAK BORDER SCOUTS

Selepas Malaysia dibentuk, langkah mengawal keselamatan di Sarawak terus diperketatkan kerana dilaporkan pihak komunis masih melakukan banyak serangan dan keganasan. Pada 20 Februari 1964, sepasukan peronda keselamatan diserang oleh gerila komunis di kawasan Lundu. Ketika kejadian, pasukan peronda sedang memeriksa kad pengenalan penduduk di sebuah rumah di kawasan penanaman di Lundu. Dalam kejadian itu, Koperal Reginald Chappell terbunuh dan empat orang anggota keselamatan mengalami kecederaan (Tan

2008, 98). Komunis juga didapati bergerak di kawasan sempadan Sarawak di kawasan Tringgus, daerah Bau. Empat buah kampung Dayak Darat (Bidayuh) di kawasan tersebut digunakan oleh komunis untuk mendapatkan bekalan makanan. Berikutnya, penduduk di situ dikumpulkan dan ditempatkan di sebuah kampung yang baharu diwujudkan oleh kerajaan berdekatan kawasan itu (Tan 2008, 117–118). Oleh itu, peranan pasukan Border Scouts sangat penting untuk memelihara keselamatan di sempadan Sarawak.

Anggota Border Scouts turut berdepan dengan bahaya ketika menjalankan tugas. Antara pengorbanan yang paling besar ialah kejadian serangan yang berlaku pada 28 September 1963 di Long Jawai, Batang Balui di Belaga, Bahagian Ketiga Sarawak. Long Jawai, sebuah kampung terpencil yang dikawal oleh sebuah pos Border Scouts dengan enam orang askar Gurkha, tiga orang polis biasa dan 21 orang anggota Border Scouts. Dalam kejadian itu, sepasukan Border Scouts diserang oleh sekumpulan seramai 90 hingga 100 orang gerila yang melintasi sempadan Indonesia dan menyerang kampung itu. Kejadian tersebut mengakibatkan dua orang anggota keselamatan (seorang ialah Border Scouts) mati dan tiga orang lagi cedera terkena letupan bom musuh. Sembilan orang anggota Border Scouts yang lain ditawan dan lapan orang daripadanya diikat, kemudian ditembak mati dan seorang lagi dapat melepaskan diri. Sembilan orang anggota Border Scouts yang terkorban ialah Liew Maling, Anyi Choh, Jai Baleng, Ului Tanyang, Ladak Udau, Ipa Along, Unang Adang, Jalang Pe dan Hanyi Jek. Bagaimanapun, operasi susulan yang dilancarkan oleh pasukan keselamatan akhirnya dapat membunuh 34 orang penceroboh (Tan 2008, 81–82; James dan Sheil-Small 1971, 81–83; Porritt 2004, 102). Kejadian ini berserta dengan nama anggota Border Scouts yang menjadi mangsa turut disebut dalam memorandum rasmi bertarikh 13 April 1964 dari Pesuruhjaya Polis Sarawak (Chan Choon Siew) kepada Setiausaha Persekutuan (SUPS/72 1963–1973).

Sementara itu, sepasukan Border Scouts diserang hendap oleh komunis di Ulu Sungai Ngemah, Kanowit pada 27 Ogos 1970 dan mengorbankan seramai 12 anggota. Kejadian itu berlaku ketika pasukan itu berada dalam bot peronda, dalam perjalanan menjalankan tugas (FCO 24/819 1970). Selain itu, Kepu anak Jelan, Keli anak Sebli dan Beradong anak Kesa merupakan antara anggota Border Scouts yang terkorban dalam insiden komunis di kawasan RASCOM, Bahagian Ketiga. Kepu anak Jelan mati ditembak dari jarak yang dekat oleh komunis di Sungai Kedang, Sarikei pada 7 Oktober 1970. Keli anak Sebli juga mati ditembak oleh komunis di rumah mangsa di Sungai Labas, Binatang (Bintangor) pada 17 April 1971 dan senapang patah milik mangsa turut dirampas komunis. Anggota Border Scouts lain yang turut menjadi mangsa komunis termasuk Kong Hua Nam yang ditembak mati di Sungai Rusa, Sarikei pada 27 Jun 1971, Beradong anak Kesa pada Julai 1971 dan Chia Siak Chiang di Sungai Durin, Sibu pada 16 Ogos 1971 (*Warta Perajurit* Oktober 2012). Kejadian-kejadian tersebut menunjukkan bahawa anggota Border Scouts sentiasa menghadapi ancaman bahaya komunis ketika menjalankan tugas.

Dalam pada itu, adalah jelas bahawa pasukan Border Scouts memberi sumbangan penting dalam memelihara keselamatan di Sarawak khasnya di kawasan sempadan negeri itu. Dalam hal ini anggota Border Scouts telah memberi khidmat mereka sebagai "mata dan telinga" pihak keselamatan semasa gerakan menentang komunis. Mereka menyalurkan maklumat tentang kegiatan komunis kepada pihak keselamatan bagi mengatur strategi untuk membanteras komunis. Untuk memantapkan lagi kekuatan dan kecekapan Border Scouts, pasukan pertahanan ini kemudian telah dihantar untuk mendapat latihan ketenteraan tambahan selama empat bulan di sekolah latihan di Bukit Siol, Kuching selepas Sarawak mencapai kemerdekaan (*New Straits Times* 2022). Kerajaan mengharapkan pasukan pertahanan ini dapat terus memberi khidmat yang berkesan dalam mempertahankan keselamatan negeri dan memberi perlindungan kepada penduduk.

Tidak dapat dinafikan pasukan Border Scouts telah mencapai banyak kejayaan dalam membantu kerajaan membanteras komunis. Sejak tahun 1972 sehingga 1978, Border Scouts menghapuskan 58 orang komunis termasuklah 42 yang dibunuh. Mereka juga menjumpai banyak senjata api, bahan makanan dan dokumen komunis. Antaranya, pada 1 Mac 1973, ketika Nyayang Angie bersama tiga orang anggota Border Scouts menjalankan operasi di Majau, Kanowit telah berjaya menembak mati dua orang komunis dan salah seorang ialah Timbalan Komander Parti Komunis Kalimantan Utara. Dalam kejadian lain, pada 30 Mac 1973 di kawasan Lubok Garan, Ulu Sungai Kanowit di Julau, sepasukan Border Scouts diserang oleh komunis ketika berperahu di Ulu Sungai Kanowit dalam perjalanan mereka untuk pulang ke pangkalan di Pos Entabai. Mereka berjaya membalas tembakan dengan komunis, namun salah seorang rakan seperjuangannya, Chakat tercedera di mulut kerana terkena peluru komunis (*New Straits Times* 2022). Bahkan pada 20 Jun 1973, sepasukan sembilan orang anggota Border Scouts yang diketuai oleh ASP Wilfred Gomez Malong telah menyerang hendap kawasan komunis dan berjaya memusnahkan kubu komunis di Sungai Bilat, Nanga Poi, Kanowit ketika "Operation Jengking" dilancarkan. Mereka ditugaskan untuk kerja-kerja "*search and destroy*" dalam membantu pasukan keselamatan lain dalam operasi berkenaan. Dalam serangan hendap itu, pasukan Border Scouts telah berjaya menghapuskan 16 orang komunis dan merampas pelbagai senjata api milik mereka (Ritchie, Thoo dan Wan Junaidi 2011, 254; Iloveborneo.my 2022). Selain itu, Border Scouts turut mengambil bahagian dalam operasi menjejaki kumpulan komunis di bawah pimpinan Bong Kee Chok di Bukit Bangku, Simanggang (kini dikenali Sri Aman). Pada lewat September 1973, di bawah pimpinan Inspektor Menggong anak Panggit (Pemangku Penolong Penguasa Polis dan Pegawai Divisyen Pengakap Sempadan di Simanggang pada ketika itu), anggota Border Scouts bersama-sama pasukan keselamatan memulakan pemburuan terhadap kumpulan komunis tersebut dari kawasan sekitar Bukit Bangku sehingga ke Kuala Skrang dan Sungai Undop. Walaupun berlaku pertempuran dan tembak-menembak, kumpulan komunis tersebut akhirnya berjaya melepaskan diri (*Memoir Skuad 69 PDRM Edisi Sarawak* 2006,

138–144). Dalam perkembangan lain pada 31 Ogos 1978, sekumpulan anggota Border Scouts yang diketuai Koperal Nyayang Angie berjaya membunuh tiga orang anggota komunis termasuk seorang wanita di Ulu Machan, kawasan Ulu Poi di daerah Kanowit. Dalam kejadian itu, dua orang anggota komunis ditembak mati dan seorang lagi maut terkena tetakan parang Nyayang. Mereka juga berjaya merampas senjata api milik komunis. Pada 11 September 1978, kumpulan lain pula di bawah Ranger Cpl. Sigai pula berjaya membunuh tiga orang anggota komunis di Menyan di Sibu (*The Borneo Post* 1978a; 1978b; *New Straits Times* 2022). Di sini dapat dilihat keberanian dan kejayaan pasukan Border Scouts dalam menentang komunis di Sarawak. Sejak penubuhannya pada tahun 1963, pasukan ini berjaya memusnahkan sekurang-kurangnya 15 pangkalan hutan komunis di Kanowit, Song, Kapit, Belaga, Ulu Tatau dan Baram (Ritchie, Thoo dan Wan Junaidi 2011, 260). Kejayaan demi kejayaan yang diperoleh pasukan Border Scouts tersebut dengan jelasnya telah menunjukkan kehebatan pasukan pertahanan ini dalam mempertahankan keselamatan Sarawak daripada ancaman komunis.

Bukan itu sahaja, Border Scouts juga dilaporkan telah memainkan peranan dalam gerakan membanteras komunis oleh Rajang Area Security Command (RASCOM) Special Branch Unit. RASCOM ditubuhkan pada tahun 1972 sebagai sebuah badan untuk menjaga keselamatan di Bahagian Ketiga Sarawak yang merangkumi Daerah Sibu, Sarikei dan Kapit (untuk maklumat lanjut, rujuk Ho 2023, 257–266). Dalam menjalankan gerakan menentang komunis di Bahagian Ketiga, seramai 21 orang anggota Border Scouts terbunuh. Sementara itu, mereka telah berjaya membunuh 23 orang anggota komunis, menawan 12 orang dan 55 orang menyerah diri (Ritchie, Thoo dan Wan Junaidi 2011, 260). Penglibatan Border Scouts dalam gerakan RASCOM dinyatakan oleh sebuah dokumen dalam talian "Sarawak Border Scouts, satu lagi pasukan keselamatan di sempadan Sarawak" (Iloveborneo.my 2022). Mereka menyalurkan maklumat risikan tentang penyusupan komunis ke Sarawak dan aktiviti komunis kepada pasukan keselamatan. Daripada maklumat itu, pihak keselamatan dapat mengatur strategi untuk mengesan kegiatan komunis sambil melindungi keselamatan penduduk khasnya di kawasan pedalaman di kawasan RASCOM. Selain itu, semasa Menteri Pertahanan, Datuk Hamzah Abdul Samah melawat kawasan penempatan semula Nanga Jagau berdekatan dengan Kanowit, di kawasan Rajang pada 24 Julai 1973, beliau telah diperkenalkan dengan pasukan Border Scouts yang ditempatkan bagi mengawal keselamatan di situ (RASCOM 1978, 118). Penulisan ini menunjukkan Border Scouts merupakan sebahagian daripada pertugas di kawasan RASCOM, Rajang. Namun penglibatan mereka tidaklah dicatatkan dengan sewajarnya dalam rekod dan dokumen yang ada. Jadual 2 menyenaraikan nama anggota Border Scouts yang pernah berkhidmat di kawasan RASCOM.

Jadual 2: Senarai nama anggota Sarawak Border Scouts yang pernah berkhidmat di kawasan RASCOM

No.	Nama	No.	Nama
1.	DSP Leo Ha Thian Luke	22.	Cpl Gasan
2.	ASP Samson Juan	23.	Cpl Lingang
3.	Insp Angking Embah	24.	Cpl Jantan
4.	Insp Ali bin Dollah	25.	Cpl Mapan
5.	Insp Ahmad Tuah	26.	Cpl Christopher Kapok
6.	Insp Wilfred Gomez	27.	Cpl Ringgit
7.	Insp Rukim	28.	Cpl Sulu
8.	Sgt Muari	29.	Cpl Johar
9.	Sgt Tedong	30.	Cpl Abu
10.	Sgt Sanggai	31.	Cpl Entigu
11.	Sgt Jarau	32.	Cpl Barnabas
12.	Sgt Belikau	33.	Cpl Sandom
13.	Sgt Masam	34.	Cpl Galau
14.	Sgt Nyuling	35.	Cpl Bansa
15.	Sgt Pillai	36.	Cpl Upai
16.	Sgt Andrew Sawing	37.	Cpl Sigai
17.	Sgt Asun	38.	Cpl Nyayang
18.	Sgt Kerani	39.	Cpl Andang
19.	Cpl Baning	40.	Cpl Jampi
20.	Cpl Balang	41.	Cpl Endu
21.	Cpl Hamdan	42.	Cpl Serdin

Sumber: Data dipetik daripada Ritchie, Thoo dan Wan Junaidi (2011, 472–473).

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan tentang sejarah penubuhan, tugas, cabaran dan sumbangan Sarawak Border Scouts, jelas bahawa pasukan ini dibentuk untuk membantu pihak kerajaan mempertahankan keselamatan penduduk di Sarawak daripada ancaman luar khasnya di kawasan sempadan. Kepentingan pasukan ini juga jelas dapat dilihat penglibatannya dalam membantu operasi ketenteraan yang dijalankan oleh kerajaan untuk menjaga keselamatan di sepanjang sempadan Sarawak-Kalimantan khususnya dan Sarawak umumnya. Penubuhan pasukan ini merupakan satu langkah bijak yang diambil oleh pihak kerajaan kerana kawasan sempadan merupakan laluan penting bagi gerila Indonesia meyusup ke Sarawak dan menjadi laluan komunis Sarawak berhubung dengan komunis Indonesia. Pada masa yang sama, kewujudan pasukan Border Scouts juga dapat melindungi keselamatan penduduk yang tinggal di kawasan sempadan Sarawak-Kalimantan dan sekitarnya. Natijahnya, Border Scouts telah menyumbang jasa dan khidmat mereka tanpa gentar untuk menentang anasir-anasir subversif yang mengancam keselamatan negeri Sarawak dengan pantas serta berkesan sejak pasukan ini ditubuhkan. Sarawak Border Scouts telah menabur banyak khidmat dan jasa kepada keamanan Sarawak pada suatu waktu dahulu. Kewujudan dan sumbangan pasukan pertahanan ini haruslah diingati serta dikenang oleh masyarakat Sarawak khasnya dan Malaysia amnya.

NOTA

1. Memorandum Persefahaman 1973 ditandatangani selepas rundingan antara Kerajaan Sarawak dengan komunis pada 19–21 Oktober 1973. Dalam majlis menandatangani memorandum itu, pihak komunis diwakili oleh pengasas CCO yang juga Pengarah dan Komisar Politik Pasukan Rakyat Kalimantan Utara (PARAKU), Bong Kee Chok dengan Ketua Menteri selaku Pengarah Gerakan Sarawak, Datuk Abdul Rahman Ya'kub di Rumah Kerajaan di Simanggang (Sri Aman). Seterusnya pada 4 Mac 1974, kerajaan melancarkan Operasi Sri Aman yang menyebabkan seramai 482 orang gerila komunis dari Bahagian Pertama, Kedua dan Ketiga Sarawak menyerah diri kepada kerajaan (*Sri Aman*, *Peace Restored in Sarawak* 1974, 3; Ho 2023, 266–271; Mohd. Reduan 1993, 192).
2. Parti Komunis Kalimantan Utara (PKKU) atau North Kalimantan Communist Party (NKCP) dibentuk melalui hasil perbincangan CCO dengan Partai Komunis Indonesia pada 17–19 September 1965 di Pontianak. Penubuhan PKKU diumumkan oleh Lam Wah Kwai di Teluk Sabang, Nonok, Sarawak dan kemudian oleh Bong Kee Chok pada 30 Mac 1970. PKKU mempunyai dua unit tentera iaitu Pasukan Rakyat Kalimantan Utara (PARAKU) dan Pasukan Gerila Rakyat Sarawak (PGRS) (*The Threat of Armed Communism in Sarawak* 1972, 2, 25–26).

3. PKKU diwakili oleh Hung Chu Ting dan Wong Lian Kui iaitu Timbalan Setiausaha Biro Kedua dan Timbalan Komisar Politik PARAKU. Kerajaan Malaysia diwakili oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Tan Sri Datuk Amar Haji Bujang Mohd Nor; Pesuruhjaya Polis Sarawak, Datuk Mohd Ghazali Yaakub dan Panglima Wilayah II, Mejar Jeneral Datuk Abdul Manaf Ibrahim. Majlis menandatangani perjanjian turut disaksikan oleh Ketua Menteri, Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud yang juga Pengarah Gerakan Sarawak ketika itu (Ho 2023, 298–299).
4. Zaman darurat bermula di Tanah Melayu pada 18 Jun 1948 apabila pentadbiran British mengisytiharkan penguatkuasan Peraturan Darurat. Tindakan ini diambil akibat kegiatan komunis Parti Komunis Malaya (PKM) yang berleluasa dan boleh mengancam kestabilan pentadbiran, ketenteraman awam serta keselamatan negara. Susulan daripada langkah-langkah yang dijalankan oleh pihak pentadbiran bagi menangani kegiatan komunis dan melindungi penduduk, zaman darurat dapat ditamatkan pada 31 Julai 1960 (untuk maklumat lanjut, rujuk Ho 2004; Ho 2010).

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada The National Archives (Kew), Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur, Arkib Negara Malaysia Negeri Sarawak dan Perpustakaan Utama Universiti Malaya yang membenarkan penulis merujuk simpanan dokumen serta bahan-bahan kajian untuk penulisan ini.

RUJUKAN

Bala, P. 2002. *Changing borders and identities in the Kelabit Highlands*: *Anthropological reflections on growing up in a Kelabit village near the international border*. Kota Samarahan, Sarawak: Unit Penerbitan Universiti Malaysia Sarawak.

CAB 158/149. J.I.C. (63)64. n.d. Assessment of the threat represented by the Clandestine Communist Organisation (C.C.O.) in Sarawak. Kew, London: The National Archives.

Dickens, P. 2003. *SAS: Secret war in South-East Asia*, *22 Special Air Service Regiment in the Borneo campaign*, *1963–1966.* London: Greenhill Books.

DO 169/486. 1965a. *Sarawak fortnightly political and economic summary for the period ending 24th February 1965*. Kew, London: The National Archives, Kew, London)

_____. 1965b. *Sarawak fortnightly political and economic summary for the period ending 10th March 1965*. Kew, London: The National Archives.

_____. 1965c. *Sarawak fortnightly political and economic summary 8–21 April 1965*. Kew, London: The National Archives.

_____. 1965d. *Sarawak fortnightly political and economic summary 22 April–5 May, 1965*. Kew, London: The National Archives.

_____. 1965e. *Sarawak fortnightly political and economic summary 6–19 May*, 1965. Kew, London: The National Archives.

Eilenberg, M. 2011. Straddling the border: A marginal history of Guerrilla warfare and 'counter-insurgency' in the Indonesian borderlands, 1960s–1970s. *Modern Asian Studies* 45(6): 1423–1463. https://doi.org/10.1017/S0026749X11000230

_____. 2012. *At the edges of states: Dynamics of state formation in the Indonesian borderlands*. Leiden: KITLV Press. https://doi.org/10.26530/OAPEN_411390

FCO 24/819. 1970. Activities of CPM in Malaysia. Kew, London: The National Archives.

Ho, Hui Ling. 2023. *Ancaman keselamatan di Sarawak 1920–1990: Komunis, masyarakat dan kerajaan.* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

_____. 2010. *Pembanterasan komunis di Tanah Melayu.* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

_____. 2004. *Darurat 1948–1960: Keadaan sosial di Tanah Melayu.* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

_____. 1999. Kegiatan Clandestine Communist Organisation (CCO) di Sarawak, 1950–1963: Satu tinjauan umum. *Sejarah: Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Malaya* 7(7): 183–213. https://doi.org/10.22452/sejarah.vol7no7.9

Iloveborneo.my. 2022. Kenali Sarawak Border Scouts, pasukan keselamatan khusus di sempadan Sarawak. 16 October. https://www.iloveborneo.my/kenali-sarawak-border-scouts-pasukan-keselamatan-khusus-di-sempadan-sarawak/ (accessed 10 May 2023).

Indonesian Intentions Towards Malaysia. 1964. Kuala Lumpur: Jabatan Chetak Kerajaan.

James, H. and D. Sheil-Small. 1971. *The undeclared war: The story of the Indonesia confrantation 1962–1966.* London: Lee Cooper.

Kroef, J.M. van der. 1964. Communism and the Guerrilla War in Sarawak. *The World Today* 20(3) Feb: 50–60. https://www.jstor.org/stable/40393581 (accessed 10 May 2023).

Malaysian Information Service. 1974. *Sri Aman, peace restored in Sarawak*. Kuching, Sarawak: Malaysian Information Service.

Memoir Skuad 69 PDRM Edisi Sarawak. 2006. Kuala Lumpur: Skuad 69 PDRM.

Mohd Reduan Hj Aslie and Mohd Radzuan Hj Ibrahim. 1984. *Polis Diraja Malaysia: Sejarah, peranan dan cabaran.* Kuala Lumpur: Kumpulan Karangkraf Sdn. Bhd.

Mohd. Reduan Haji Asli. 1993. *Pemberontakan bersenjata komunis di Malaysia.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

New Straits Times. 2022. Former Sarawak Border Scout Nyayang an unsung hero. 8 August. https://www.nst.com.my/news/nation/2022/08/820361/former-sarawak-border-scout-nyayang-unsung-hero (accessed 10 May 2023).

Porritt, V.L. 1997. *British colonial rule in Sarawak, 1946–1963.* Kuala Lumpur: Oxford University Press.

RASCOM. 1978. *Kawasan Keselamatan Rajang 6th Anniversary Souvenir Magazine, 26hb Mac 1972–26hb Mac 1978.* Sibu: RASCOM.

Ritchie, J., K.N. Thoo and Wan Junaidi Tuanku Jaafar. 2011. *Crimson tide over Borneo: Untold police stories and cessation of the Sarawak Communist Insurgency (1962–1990).* Kuching: Persatuan Bekas Polis Malaysia, Bahagian Negeri Sarawak.

Sarawak 25 Tahun Merdeka (Sarawak Report '88). n.d. Kuching: Malaysian Information Services.

Sarawak 30 Years of Independence within Malaysia 1993. n.d. Kuching: Malaysian Information Services Department.

Sarawak Gazette. 1963. Vol. LXXXIX. No. 1270. 31 December.

Sarawak Information Service. 1965. *The danger within: A history of the Clandestine Communist Organisation in Sarawak*. Kuching: The Government Printing office.

SUPS/72. 1963–1973. Border Scouts. Jabatan Setiausaha Persekutuan Sarawak. Sarawak: Arkib Negara Malaysia Negeri Sarawak.

SUPS/235. 1963–1966. Terms of Service – Border Scouts. Jabatan Setiausaha Persekutuan Sarawak. Sarawak: Arkib Negara Malaysia Negeri Sarawak.

SUPS/1430. 1965. Land for Border Scouts. Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak. Sarawak: Arkib Negara Malaysia Negeri Sarawak.

Tan, G. 2008. *Indonesian confrontation and Sarawak communist insurgency 1963–1966: Experience of a local reporter*. Kuching: Penerbitan Sehati Sdn. Bhd.

The Border Scouts in Borneo. 1964. https://www.paradata.org.uk/article/border-scouts-borneo-1964 (accessed 10 May 2023).

The Borneo Post. 1978a. Six CTs shot dead. 13 September.

The Communist Threat to Sarawak. 1966. Kuala Lumpur: Jabatan Chetak Kerajaan.

The Threat of Armed Communism in Sarawak. 1972. Kuala Lumpur: Jabatan Chetak Kerajaan.

_____. 2004. *The rise and fall of communism in Sarawak 1940–1990*. Victoria, Australia: Monash University Press.

_____. 1978b. Pat on the back for border scouts. 17 September.

Walter Anak Urie. 2008. Border Scouts: Peranannya dalam membantu membanteras komunis di Daerah Julau (1971–1990). Latihan Ilmiah. Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Warta Perajurit. 2012. PARAKU duri dalam daging Sarawak. Jilid 19, No. 10.